

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Lupus sampah **ketika solat Jumaat**

Taktik pemilik lori buat aktiviti haram itu berjaya dikesan MDKL, tiga kenderaan berat dikenakan tindakan sita

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bertindak menyita tiga lori muatan 10 tan atas kesalahan menjalankan kegiatan melupuskan sampah secara haram.

Tindakan di bawah Undang-undang Kecil 4, Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MDKL 2007) dilakukan dalam satu operasi di Bandar Saujana Putra, baru-baru ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya mendapati pemilik lori menggunakan taktik melupuskan sampah ketika waktu solat Jumaat.

"Sebelum operasi ni, kami ada buat pantauan selama satu jam minggu lepas, dan kami dapati mereka lupus sampah waktu rehat, tengah orang se-

mua sibuk nak solat Jumaat. Kami jangka mungkin ini taktik yang digunakan mereka.

"Kesemua kenderaan itu dikenakan tindakan sita dengan tempoh maksimum selama satu bulan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MDKL," katanya.

Menurutnya, MDKL memandang serius kesalahan membuang atau melupuskan sampah secara haram di tempat yang tidak sepatutnya kerana ia bukan sahaja menjejaskan persekitaran tetapi menyumbang kepada masalah pembiakan aedes dan seterusnya boleh mengancam nyawa masyarakat.

"Pihak majlis juga telah menggerakkan satu Jawatankuasa Tindakan Sampah Haram bagi mem-



Tiga lori muatan 10 tan disita hasil pemantauan yang dilakukan MDKL sebelum ini.

bincangkan tindakan mengekang kegiatan itu termasuklah aktiviti penguatkuasaan,

operasi bersepadu dan kempen kesedaran dalam setiap program yang dianjurkan ber-

sama masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, MDKL tu-

“Kesemua kenderaan itu dikenakan tindakan sita dengan tempoh maksima selama satu bulan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MDKL.”
- Mohd Azhar

rut menasihatkan orang awam agar melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat aktiviti pelupusan atau pembakaran sampah secara haram di kawasan masing-masing.

Untuk rekod, sebanyak enam tangkapan dilakukan sepanjang 2016 membabitkan kenderaan muatan 10 tan dan 3 tan serta masing-masing turut dikenakan tindakan sita dan kompaun maksima.